



**KETUA PENGARAH
ARKIB NEGARA MALAYSIA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

Semua Pengarah Bahagian,
Semua Ketua Seksyen/ Unit,
Semua Pengarah Negeri,
Semua Pengurus Memorial/ Pustaka/ Galeria
Warga Arkib Negara Malaysia

ARAHAN KEWANGAN BILANGAN 9 TAHUN 2025

**GARIS PANDUAN BAYARAN ELAUN DAN KEMUDAHAN KERANA
MENGHADIRI MESYUARAT JAWATANKUASA, MAHKAMAH DAN ISTIADAT
PENGURNIAAN**

1. TUJUAN

- 1.1. Arahkan Kewangan ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada warga Arkib Negara Malaysia mengenai peraturan dan kawalan dalaman berkaitan kadar bayaran saguhati, elaun dan kemudahan bagi perkara berikut:
- a) Bayaran elaun dan kemudahan kepada Pegawai Awam dan Bukan Pegawai Awam yang menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Kementerian/Jabatan;
 - b) Elaun, kemudahan dan bayaran kerana hadir di mahkamah; dan
 - c) Elaun, kemudahan dan bayaran kerana menghadiri istiadat pengurniaan.
- 1.2. Objektif Arahkan Kewangan ini adalah untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan pegawai mengenai peraturan yang berkaitan dengan bayaran saguhati, elaun dan kemudahan kepada pegawai yang menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa, mahkamah dan istiadat pengurniaan dengan mengamalkan prinsip perbelanjaan berhemat di samping dapat meningkatkan kecekapan kawalan dalaman Jabatan.

2. TAKRIFAN

- 2.1. "Pegawai Awam" adalah pegawai dalam mana-mana perkhidmatan awam sebagaimana diperuntukkan di bawah Perkara 132(1) Perlembagaan Persekutuan.
- 2.2. "Bukan Pegawai Awam" adalah pegawai yang tidak terlibat dalam mana-mana perkhidmatan awam sebagaimana diperuntukkan di bawah Perkara 132(1) Perlembagaan Persekutuan.
- 2.3. "Mesyuarat" bermakna sesuatu perbincangan atau seumpamanya yang diadakan berkaitan urusan rasmi Kerajaan.
- 2.4. "Kemudahan" bagi maksud Arahkan Kewangan ini adalah meliputi makan minum, penginapan, tiket penerbangan dan tuntutan perjalanan.

3. PERATURAN DAN PELAKSANAAN

3.1. KADAR BAYARAN ELAUN HADIR MESYUARAT DAN KEMUDAHAN KEPADA AHLI LEMBAGA PENASIHAT ARKIB NEGARA MALAYSIA

- 3.1.1. Peraturan dan kadar bayaran elaun dan kemudahan serta penetapan kadar baru kepada ahli sektor swasta kerana menghadiri mesyuarat jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Kementerian/ Jabatan berdasarkan kepada sesuatu Akta/ keputusan Jemaah Menteri/ keputusan Menteri atau jawatankuasa kecil yang ditubuhkan oleh jawatankuasa berkenaan adalah berdasarkan **Pekeliling Perbendaharaan WP7.3** (Rujuk Perkara 5.1).
- 3.1.2. Kadar bayaran elaun hadir mesyuarat dan bayaran kemudahan (tiket penerbangan, tuntutan perjalanan dan elaun makan) bagi pengerusi dan ahli Lembaga Penasihat Arkib Negara Malaysia yang bukan pegawai Perkhidmatan Awam adalah berdasarkan kadar kelulusan daripada MOF melalui surat **KK/BP(S) 10/430/222/72Jd. 2(s.k 1/2004) (17)** bertarikh 27 September 2005 (Rujuk Perkara 5.1).
- 3.1.3. Kadar bayaran kemudahan penginapan bagi pengerusi dan ahli Lembaga Penasihat Arkib Negara Malaysia yang bukan pegawai Perkhidmatan Awam adalah berdasarkan kadar kelulusan daripada MOF melalui surat **KK/BP(S) 10/222/10/1 Jld. 8 (SK7/2013) (9)** bertarikh 9 September 2013 (Rujuk Perkara 2).

3.1.4. Kadar bayaran elaun menghadiri mesyuarat adalah seperti di **JADUAL 3:**

KADAR BAYARAN ELAUN HADIR MESYUARAT		
Majlis/ Lembaga	Pengerusi	Ahli
Lembaga Penasihat Arkib Negara	RM300.00	RM250.00
KADAR BAYARAN KEMUDAHAN		
	Pegawai Kerajaan	Bukan Pegawai Kerajaan
Tiket Penerbangan	Pekeliling Perbendaharaan WP1.4	Mengikut kelas bisnes
Tuntutan Perjalanan		Pekeliling Perbendaharaan WP1.4
Makan Minum		Berdasarkan kelulusan Pegawai Pengawal tetapi tidak melebihi: (i) RM85.00 bagi negeri di Semenanjung RM115.00 bagi negeri di Sabah, Sarawak dan WP Labuan
Penginapan		Kadar sebenar Gred JUSA A

JADUAL 3

3.1.5. Bagi tujuan pembayaran, pegawai perlu mengemukakan Borang Tuntutan Bayaran Bagi Penjawat Awam **AK2/2025/02** atau Borang Tuntutan Bayaran Bagi Bukan Penjawat Awam **AK2/2025/03** berserta dokumen sokongan lain kepada Seksyen Kewangan dan Akaun Arkib Negara Malaysia.

3.2. ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN KERANA HADIR DI MAHKAMAH

3.2.1. Pegawai yang disapina (*subpoena*) oleh Mahkamah untuk memberi keterangan bagi pihak Kerajaan atau keterangan pakar adalah layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran lain seolah-olah ia bertugas rasmi. Segala bayaran yang biasanya dibuat oleh Mahkamah ataupun pihak-pihak lain kepada pegawai tersebut hendaklah diserahkan kepada Kerajaan kecuali yang dibenarkan untuk disimpan di bawah *Fees (Public Officers) Regulations, 1953*.

- 3.2.2. Bagi tujuan pembayaran, pegawai perlu mengemukakan Borang Tuntutan Bayaran Bagi Penjawat Awam **AK2/2025/02** berserta dokumen sokongan lain kepada Seksyen Kewangan dan Akaun Arkib Negara Malaysia.

3.3. ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN KERANA MENGHADIRI ISTIADAT PENGURNIAAN

- 3.3.1. Pegawai yang diundang dan menghadiri Istiadat Pengurniaan untuk menerima Pingat atau Darjah Kebesaran Persekutuan atau Negeri adalah layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran seolah-olah ia bertugas rasmi.
- 3.3.2. Dua (2) orang tetamu yang diundang dan menghadiri Istiadat Pengurniaan Pingat atau Darjah Kebesaran bagi seseorang pegawai adalah juga layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran di mana kadarnya adalah mengikut kelayakan pegawai tersebut.
- 3.3.3. Bagi tujuan pembayaran, pegawai perlu mengemukakan Borang Tuntutan Bayaran Bagi Penjawat Awam **AK2/2025/02** berserta dokumen sokongan lain kepada Seksyen Kewangan dan Akaun Arkib Negara Malaysia.

4. PEMATUHAN ARAHAN KEWANGAN

- 4.1. Warga Arkib Negara Malaysia hendaklah mematuhi Arahan Kewangan Arkib Negara Malaysia yang berkuat kuasa.
- 4.2. Arahan Kewangan ini adalah selaras dengan peraturan kewangan berikut:
- a) Pekeliling Perbendaharaan WP1.4
Kadar dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan dan Bayaran kepada Pegawai Perkhidmatan Awam kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera dan Polis);
 - b) Pekeliling Perbendaharaan WP17.3
Bayaran Elaun dan Kemudahan kepada Ahli Sektor Swasta yang Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa yang Ditubuhkan oleh Kementerian/Jabatan; dan
 - c) Surat Kementerian Kewangan KK/BP(S) 10/430/222/72Jd. 2(s.k 1/2004) (17) bertarikh 27 September 2005 (Memohon Kelulusan Khas Penyeragaman Semula Kadar Elaun Hadir Mesyuarat dan Elaun

Perjalanan Kenderaan Majlis/ Lembaga Penasihat Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan Malaysia (KKKW)).

- 4.3. Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Bahagian, Ketua Seksyen, Pengarah Negeri, Pengurus Memorial/ Pustaka/ Galeria/ dan Ketua Unit bertanggungjawab kepada pihak audit sekiranya didapati terdapat perkara-perkara berbangkit atau tidak mematuhi peraturan, tatacara dan Arahan Kewangan yang berkuat kuasa.

5. TARIKH KUAT KUASA

- 5.1. Arahan ini berkuatkuasa mulai **1 JANUARI 2025** dan membatalkan Arahan Kewangan Bilangan 9 Tahun 2024.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“ARKIB INTI PATI MASA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' JAAFAR SIDEK BIN HAJI ABDUL RAHMAN)
Ketua Pengarah
Arkib Negara Malaysia

Tarikh: 19 Disember 2024.